



KENDALI DIRI DI MEDIA SOSIAL

Keupayaan media sosial mempengaruhi kehidupan seseorang tidak boleh dipertikaikan lagi. Hampir sebahagian besar daripada masa seharian kita dihabiskan dengan berada di laman-laman media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram. Akibatnya, tingkahlaku serta cara pemikiran seseorang semakin dipengaruhi oleh media sosial. Namun, apa yang paling penting adalah pengendalian diri kita di dalam talian agar sifat hormat menghormati, bertimbang rasa serta keprihatinan terhadap sesuatu perkara dapat dikekalkan di media sosial.

Jadi, dikongsikan beberapa panduan cara-cara pengendalian diri yang terbaik di media sosial yang perlu kita ketahui.



1 Komen akan mengekori anda

Media sosial bukanlah satu platform yang sesuai untuk kita meluahkan segala perasaan. Kita seharusnya beranggapan bahawa segala aktiviti di dalam media sosial sentiasa dipantau dan akan kekal selamanya. Justeru, jika anda tidak mahu komen anda dipergunakan terhadap anda, jangan sesekali memberi komen negatif di dalam talian. Gunakan saluran lain untuk tujuan tersebut.

2 Waspada berkongsi maklumat yang lebih

Memuat naik segala aktiviti harian anda mungkin satu perkara yang biasa dilakukan. Namun ianya juga mungkin rutin yang menjengkelkan bagi sesetengah rakan media sosial anda. Perlakuan ini tidak salah, tetapi ia mungkin akan mencabar keselamatan diri anda jika gerak-geri anda sentiasa diketahui orang. Hadkan perkongsian maklumat aktiviti anda untuk mengelakkan sebarang perkara tidak diingini berlaku.

3 Elak dari memburukkan orang lain

Kuasa berkata-kata adalah satu kelebihan yang tidak dapat dinafikan. Media sosial memberikan satu platform untuk kita bebas bersuara. Namun kita tidak seharusnya menyalahgunakannya untuk memburukkan orang lain. Jika kita mempunyai masalah dengan seseorang, cuba bawa untuk berbincang atau lupakan saja permasalahan tersebut.

4 Berfikir sebelum anda tag gambar rakan anda

Jika anda memiliki gambar rakan anda untuk dimuat naik ke laman media sosial, tanpa cuba untuk memalukan rakan anda itu, pastikan anda meminta izin terlebih dahulu sebelum anda tag gambar tersebut. Kebanyakan daripada kita menghargai etika sebegini kerana ia dapat mengelakkan diri daripada kelihatan tidak baik.

5 Bertindak sepertimana anda ingin dilayan

Jadikan diri anda contoh yang baik untuk orang lain. Jika anda ingin rakan anda memberikan komen yang baik, anda perlu melakukan perkara yang sama. Anda pasti akan dibalas baik sekiranya anda mempunyai budi pekerti sewaktu di dalam talian secara baik.

Kesimpulan

Penggunaan media sosial di dalam kehidupan seharian bukanlah satu budaya kosong semata-mata. Jika ianya digunakan dengan penuh tanggungjawab dan beretika, ia dapat memberikan satu impak yang lebih besar dalam menjadikan kita seorang pengguna internet yang bijak dan selamat. Jangan jadikan kata-kata maya alasan keberanian kita untuk menyakiti orang lain.